



Ruj. Kami : JPNJ.600-4/1/2 Jld.4 ()

Tarikh : 20 Mei 2025

Pengetua/ Guru Besar,
Sekolah-sekolah seperti di lampiran

Tuan,

**JEMPUTAN MENYERTAI KEJOHANAN FLOORBALL SEKOLAH-SEKOLAH
NEGERI JOHOR TAHUN 2025**

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa Unit Pembangunan Bakat Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Johor melalui Majlis Sukan Sekolah Johor dengan kerjasama Persatuan Floorball Negeri Johor akan mengadakan kejohanan yang akan dilaksanakan sebagaimana ketetapan yang berikut :

Tarikh : 10 hingga 12 Jun 2025 (Kategori Sekolah Kebangsaan)
13 hingga 15 Jun 2025 (Kategori Sekolah Menengah)
Tempat : Kolej Kemahiran Tinggi Mara Ledang, Tangkak, Johor
Masa : 8.00 pagi hingga 6.00 petang

2. Sehubungan itu, sekolah-sekolah tuan sebagaimana disenaraikan dalam **lampiran** adalah ditawarkan untuk turut serta menjayakan kejohanan ini pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan.

3. Pihak sekolah diingatkan agar memberi perhatian serius terhadap aspek keselamatan murid sepanjang program berlangsung. Semua pihak hendaklah mematuhi surat pekeliling ikhtisas, surat siaran, surat makluman serta garis panduan yang berkuat kuasa. Sekolah juga perlu memastikan bahawa setiap murid yang hadir telah memperoleh kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga masing-masing.

4. Untuk makluman, segala kos berkaitan pengangkutan dan kebajikan murid yang menyertai program ini hendaklah ditanggung oleh pihak sekolah. Sekolah digalakkan untuk mendapatkan sumbangan daripada Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) atau melibatkan Kumpulan Sokongan Ibu Bapa (KSIB) bagi membantu menjayakan penglibatan murid dalam kejohanan ini. Segala sokongan dan kerjasama daripada pihak sekolah amat dihargai demi kecemerlangan kokurikulum dan pembentukan sahsiah murid yang berkualiti di negeri Johor.

Ruj. Kami : JPNJ.600-4/1/2 Jld.4 ()

**JEMPUTAN MENYERTAI KEJOHANAN FLOORBALL SEKOLAH-SEKOLAH
NEGERI JOHOR TAHUN 2025**


5. Pegawai kami **Encik Mohamad Fakaruddin bin Ismail**, Setiausaha Agung MSSJ atau **Encik Mohd Hanafi bin Ali**, Penolong Pengarah Pembangunan Bakat Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Johor di talian **07-2311481** atau **Encik Ts Junaidi bin Mazhar**, Pengarah Kejohanan di talian **016-6635662** bersedia dihubungi untuk sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini. Kerjasama tuan memberikan keutamaan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI MOHD KAMAL BIN AHMAD UNTONG)

Timbalan Pengarah Pendidikan

Sektor Pembangunan Murid

b.p Pengarah Pendidikan Negeri Johor

Jabatan Pendidikan Negeri Johor

s.k. :

1. Pengarah Pendidikan Negeri Johor

2. Pegawai Pendidikan Daerah (PPD) Negeri Johor

**SENARAI JEMPUTAN MENYERTAI KEJOHANAN FLOORBALL SEKOLAH-
SEKOLAH NEGERI JOHOR TAHUN 2025**

BIL	NAMA SEKOLAH	DAERAH
SEKOLAH RENDAH		
1.	SK TAMAN TUN AMINAH	JOHOR BAHRU
2.	SK TAMAN SELESA JAYA	JOHOR BAHRU
3.	SK NUSANTARA	JOHOR BAHRU
4.	SK MEDINI	JOHOR BAHRU
5.	SK JERAM BATU	PONTIAN
6.	SK SERI GADING	BATU PAHAT
7.	SK SERI LAKSANA	BATU PAHAT
8.	SK SERI PUTERI	BATU PAHAT
9.	SK PENCHU	TANGKAK
10.	SK SAGIL KAMPONG	TANGKAK
11.	SK BUKIT RAHMAT	TANGKAK
12.	SK BANDAR T6	KLUANG
13.	SK KAMPONG MELAYU	KLUANG
SEKOLAH MENENGAH		
14.	SMK BANDAR BARU UDA	JOHOR BAHRU
15.	SMK TAMAN SUTERA	JOHOR BAHRU
16.	SMK MEDINI	JOHOR BAHRU
17.	SEKOLAH TUN FATIMAH	JOHOR BAHRU
18.	SMK SERI INTAN	KLUANG
19.	SM SAINS SEMBRONG	KLUANG
20.	SMK TUN HUSSEIN ONN	KLUANG
21.	SMK TUN SRI LANANG	TANGKAK
22.	SMK TENGGU TEMENGGONG AHMAD	TANGKAK
23.	SMA BUGISIAH	PONTIAN
24.	SMK KANGKAR PULAI	KULAI
25.	SMK (P) TEMENGGONG IBRAHIM	BATU PAHAT

